



**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**  
*MALAYSIA SHIPPING NOTICE*

**JABATAN LAUT MALAYSIA**  
*MALAYSIA MARINE DEPARTMENT*

**MSN 02/2024**

Ibu Pejabat Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang  
Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : [kpgr@marine.gov.my](mailto:kpgr@marine.gov.my)  
Webpage : <http://www.marine.gov.my>

---

Notis kepada pemilik dan pengurus kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, Organisasi Yang Diiktiraf dan industri maritim.

*Notice to shipowners, ship manager, ship agents, Masters, seafarers, Recognized Organization and the maritime industry*

---

**PELAKSANAAN BAB BAHARU XV KONVENSYEN ANTARABANGSA KESELAMATAN NYAWA DI LAUT (SOLAS), 1974, SEPERTI PINDAAN, DAN KOD ANTARABANGSA BAGI KAPAL YANG MEMBAWA KAKITANGAN INDUSTRI (KOD IP)**

*IMPLEMENTATION OF THE NEW CHAPTER XV OF THE INTERNATIONAL CONVENTION FOR THE SAFETY OF LIFE AT SEA (SOLAS), 1974, AS AMENDED, AND THE INTERNATIONAL CODE OF SAFETY FOR SHIPS CARRYING INDUSTRIAL PERSONNEL (IP CODE)*

---

**Notis berkaitan: NPM 03/2023**

*Related notice: MSN 03/2023*

**Tujuan**

***Purpose***

- |  |  |
|--|--|
| <p>1. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada komuniti perkapalan mengenai pelaksanaan bab baharu Konvensyen SOLAS 1974, Bab XV (Langkah-Langkah Keselamatan bagi Kapal yang Membawa Kakitangan Industri) dan Kod Keselamatan Antarabangsa bagi Kapal yang Membawa Kakitangan Industri (Kod IP)</p> <p>2. SOLAS Bab XV dan Kod IP akan mula berkuat kuasa pada <b>1 Julai 2024</b>.</p> | <p>1. <i>This notice is intended to inform the shipping community on the implementation of SOLAS 1974 new Chapter XV (Safety Measures for Ships Carrying Industrial Personnel) and the International Code of Safety for Ships Carrying Industrial Personnel (IP Code).</i></p> <p>2. <i>The new SOLAS Chapter XV and the IP Code will enter into force on <b>1<sup>st</sup> July 2024</b>.</i></p> |
|--|--|

- |   |   |
|---|---|
| <p>3. Keperluan baharu ini adalah mandatori kepada semua kapal kargo dan kapal kargo berkelajuan tinggi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) 500 tanan kasar ke atas;</li> <li>ii) Membawa lebih daripada 12 orang kakitangan industri (IP);</li> <li>iii) Pelayaran antarabangsa; DAN</li> <li>iv) Terlibat dengan aktiviti-aktiviti industri luar pesisir.</li> </ul> | <p>3. <i>These new requirements are mandatory for all cargo ships and high-speed cargo craft as follows:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i) 500 gross tonnage and above; and</i></li> <li><i>ii) Carry more than 12 industrial personnel (IP);</i></li> <li><i>iii) International voyage; AND</i></li> <li><i>iv) Engaged in offshore industrial activities.</i></li> </ul> |
|---|---|

### **Takrifan**

4. Dalam konteks keperluan baharu ini:
- i) **“Kakitangan Industri (IP)”** bermaksud semua individu yang diangkut atau menginap di atas kapal bagi tujuan aktiviti-aktiviti industri luar pesisir yang dilaksanakan di atas kapal dan/atau fasiliti pesisir pantai yang lain;
  - ii) **“Aktiviti-aktiviti industri luar pesisir”** bermaksud pembinaan, penyelenggaraan, penyahtauliah, operasi atau penyelenggaraan fasiliti luar pesisir yang berkaitan, tetapi tidak terhad kepada, eksplorasi dan eksploitasi sumber tenaga boleh diperbaharui atau hidrokarbon, akuakultur, perlombongan laut atau aktiviti yang serupa.

### **Pemakaian**

5. Pemakaian SOLAS Bab XV boleh dikategorikan kepada dua:
- i) **Kapal baru** – kapal kargo dan kapal kargo berkelajuan tinggi yang dibina pada atau selepas 1 Julai 2024;
  - ii) **Kapal sedia ada** – kapal kargo dan kapal kargo berkelajuan tinggi yang dibina sebelum 1 Julai 2024.

### **Definition**

4. *Within context of this new requirement:*
- i) “Industrial Personnel (IP)” means all persons transported or accommodated on board for the purpose of offshore industrial activities performed on board other ship and/or offshore facilities;*
  - ii) “Offshore industrial activities” means the construction, maintenance, decommissioning, operation or servicing of offshore facilities related, but not limited to, exploration and exploitation of resources by the renewable or hydrocarbon energy sectors, aquaculture, ocean mining or similar activities.*

### **Application**

5. *SOLAS Chapter XV applicability can be categorized into two:*
- i) **New ships** – cargo ships and high-speed cargo craft which constructed on or after 1 July 2024;*
  - ii) **Existing ship** – cargo ships and high-speed cargo craft which constructed before 1 July 2024.*

## Kapal Baharu

6. Kapal baharu seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 5(i) hendaklah mematuhi keseluruhan peruntukan kod IP seperti mana keperluan SOLAS Bab XV Peraturan 3.1.

## *New Ship*

6. *New ship as specified in Paragraph 5(i) shall fully comply with the provisions of the IP Code as required by SOLAS Chapter XV Regulation 3.1.*

## Kapal Sedia Ada

7. Kapal sedia ada seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 5(ii) boleh dipecahkan kepada dua kategori:

- i) **Dibenarkan** – kapal-kapal yang telah dibenarkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) atau Organisasi yang Diiktiraf (RO) untuk membawa lebih daripada 12 orang IP selaras dengan Resolusi MSC.418(97) atau yang mendapat pensijilan Kod Keselamatan bagi Kapal Bertujuan Khas, 2008 (Kod SPS 2008); dan
- ii) **Tidak dibenarkan** – kapal-kapal yang tidak mendapat kebenaran daripada JLM atau RO untuk membawa lebih daripada 12 orang IP selaras dengan Resolusi MSC.418(97).

## *Existing Ship*

7. *Existing ship as specified in Paragraph 5(ii) can be further divided into two categories:*

- i) **Authorized** – *those ships which are authorized by the Malaysia Marine Department (MMD) or Recognized Organization (RO) to carry more than 12 IP in accordance with Resolution MSC.418(97) or certificated to the Code of Safety for Special Purpose Ships, 2008 (2008 SPS Code); and*
- ii) **Not authorized** – *those ships which are not authorized by the MMD or RO to carry more than 12 IP in accordance with Resolution MSC.418(97).*

8. Kapal sedia ada yang dibenarkan hendaklah mematuhi bahagian berkaitan di dalam Kod IP seperti mana keperluan SOLAS Bab XV Peraturan 3.2 dan 3.3, pada pemeriksaan pertengahan atau pembaharuan, yang mana satu terlebih dahulu selepas 1 Julai 2024.

8. *Authorized existing ships shall comply with the applicable parts of the IP Code as required by SOLAS Chapter XV Regulations 3.2 and 3.3, by the first intermediate or renewal survey, whichever occurs first, after 1 July 2024.*

9. Kapal sedia ada yang tidak dibenarkan hendaklah mematuhi keseluruhan peruntukan kod IP seperti mana keperluan SOLAS Bab XV Peraturan 3.4.
  10. Carta alir bagi pematuhan kepada Kod IP boleh dirujuk di [Lampiran 1](#) untuk penerangan lanjut.
9. *Not authorized existing ships shall fully comply with the provisions of the IP Code as required by SOLAS Chapter XV Regulations 3.4.*
  10. *Flowchart for the compliance of IP Code may be refer to [Appendix 1](#) for further clarification.*

### **Kapal Bendera Malaysia**

11. Kapal sedia ada berpendaftaran Malaysia yang membawa lebih daripada 12 orang IP adalah digesa untuk mendapatkan kebenaran selaras dengan Resolusi MSC.418(97) atau mematuhi keperluan Kod SPS sebelum Kod IP berkuatkuasa. Sebarang permohonan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada RO.
12. Setelah kebenaran diberikan, RO dibenarkan untuk mengeluarkan *Statement of Compliance (SOC)* selaras dengan Resolusi MSC.418(97) atau Pensijilan SPS. Format model SOC tersebut adalah seperti yang terdapat di [Lampiran 2](#).

### **Malaysia Flagged Ship**

11. *Malaysia registered existing ships carrying more than 12 IP are hereby urged to seek authorization in line with Resolution MSC.418(97) or comply with SPS Code prior to the entry into force of the IP Code. Any such request shall be made through the RO.*
12. *Upon granting authorization, the RO is allowed to issue a Statement of Compliance (SOC) in accordance with Resolution MSC.418(97) or SPS Certification. A model format of the SOC is contained in [Appendix 2](#).*

Sebarang pertanyaan berkenaan Notis ini boleh diajukan kepada:

[bkim@marine.gov.my](mailto:bkim@marine.gov.my)

Pengarah,  
Bahagian Kawalan Industri Maritim,  
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia,  
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia

*Any inquiries concerning this Notice should be submitted to:*

[bkim@marine.gov.my](mailto:bkim@marine.gov.my)

*Director,  
Maritime Industrial Control Division,  
Marine HQ, Malaysia Marine Department,  
P.O. Box 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia*

[bksas@marine.gov.my](mailto:bksas@marine.gov.my)

Pengarah,  
Bahagian Keselamatan, Sekuriti & Alam  
Sekitar,  
Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia,  
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia

**Dikeluarkan oleh;**

**Ketua Pengarah Laut  
Tarikh : 04 Januari 2024**

[bksas@marine.gov.my](mailto:bksas@marine.gov.my)

*Director,  
Safety, Security & Marine Environment  
Division,  
Marine HQ, Malaysia Marine Department,  
P.O. Box 12, Jalan Limbungan,  
42007 Port Klang, Selangor,  
Malaysia*

*Issued by;*

*Director General of Marine  
Date : 04<sup>th</sup> January 2024*